

ANGKASAWAN KANADA DAN SWITZERLAND DI UUM ESOK

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 06 Oktober 2010 18:16

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

6 OKTOBER 2010 / 27 SYAWAL 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

ANGKASAWAN KANADA DAN SWITZERLAND DI UUM ESOK

UUM ONLINE: Angkasawan dari Kanada yang juga Presiden Persatuan Penerokaan Angkasa (ASE), Chris A. Hadfield dan dua orang lagi dari Switzerland akan berada di kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) esok.

Ketiga-tiga mereka ini akan mengadakan kunjungan hormat ke atas Naib Canselor Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak sebelum bertemu lebih 700 pelajar dari kampus ini dan beberapa pelajar yang dijemput dari sekolah di sekitar daerah Kubang Pasu.

Mereka adalah antara 65 angkasawan dari 17 negara yang berkumpul di negara ini bagi menghadiri Kongres Planet Ke-23 bagi membantu negara tuan rumah membangunkan bidang aeroangkasa.

Prof Dr Mohamed Mustafa berharap kunjungan mereka ini akan memberi manfaat kepada golongan pelajar dikampus ini mengenai program aeroangkasa dan mempelajari proses kesusahan yang mereka alami untuk menjadi angkasawan sekaligus memberi keyakinan kepada pelajar untuk membina keyakinan negeri.

"Peluang untuk bertemu mereka ini bukannya senang dan jarang sekali dibuat, oleh itu pihak universiti juga telah menjemput sekolah berdekatan daerah ini untuk turut sama mendengar mengenai pengalaman mereka.

"Mereka terdiri daripada angkasawan yang cukup hebat dan lebih istimewa lagi mereka sedia berkongsi pengalaman dengan rakyat negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kedatangan tiga angkasawan ke kampus ini.

Kesemua angkasawan yang dijemput ini akan menyertai kongres selama lima hari yang dianjurkan oleh ASE dengan kerjasama beberapa pihak seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Multimedia (MMU).

Habis.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my